



**BORANG PERMOHONAN BANTUAN  
TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA (TAPPN)**

<b>A. MAKLUMAT PERIBADI</b>	
No. Tentera/ Polis/ IC Pangkat/ Jawatan Nama No. telefon Alamat Bertugas	: : : : :
<b>B. MAKLUMAT WARIS</b>	
Nama No. Kad Pengenalan Hubungan No. Telefon Alamat Waris	: : : : :
<b>C. MAKLUMAT KEJADIAN</b>	
Masa Tarikh Tempat Ringkasan Kejadian	: : : :
	<p align="center">Saya mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar mengenai kecederaan yang dialami oleh pegawai / anggota.</p> <p align="right">..... Tandatangan Pemohon / Waris</p> <p align="right">Nama : .....</p>

#### D. LAPORAN PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN

Jenis Kecederaan

:

.....

Kategori Kecederaan  
Sila Tandakan ( ✓ )

<input type="checkbox"/>	Meninggal Dunia	<input type="checkbox"/>	Hilang Upaya Kekal
--------------------------	-----------------	--------------------------	--------------------

<input type="checkbox"/>	Cedera Parah	<input type="checkbox"/>	Cedera Ringan
--------------------------	--------------	--------------------------	---------------

Jenis Rawatan

:

*Seperti di lampiran*

Bersama-sama dilampirkan laporan perubatan terperinci pegawai / anggota. Saya mengesahkan bahawa maklumat diatas adalah benar mengenai kecederaan yang dialami oeh pegawai / anggota.

.....

Tandatangan  
Nama / Cop Rasmi

#### E. ULASAN KETUA FORMASI / PASUKAN / NEGERI

Ulasan :

Saya mengesahkan bahawa maklumat mengenai kejadian serta maklumat yang dinyatakan adalah benar.

.....

Tandatangan  
Nama / Cop Rasmi

#### F. ULASAN DAN SOKONGAN KETUA JABATAN

Ulasan :

Adalah disahkan bahawa permohonan TAPPN ini adalah layak untuk dipertimbangkan sepenuhnya untuk menerima bantuan TAPPN.

.....

Tandatangan  
Nama / Cop Rasmi

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**  
**TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA**  
**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

1. Pembayaran TAPPN diperuntukan kepada anggota-anggota benefisiari yang tercedera atau waris-waris anggota sekiranya anggota terlibat meninggal dunia semasa menjalankan tugas operasi atau Tugas Aktif.
  
2. Tafsiran **Tugas Aktif** yang menentukan **KELAYAKAN** penerima bantuan adalah seperti berikut:
  - i. Anggota Pasukan Keselamatan / penerima benefisiari yang telah mengalami kecederaan semasa insiden tembak-menembak di dalam tugas membanteras jenayah (operasi/gerakan);
  - ii. Anggota Pasukan Keselamatan/ penerima benefisiari telah dilanggar oleh sesebuah kenderaan semasa membuat rondaan lalu lintas;
  - iii. Kemalangan semasa dalam perjalanan dari tempat bertugas/ Ibu Pejabat ke tempat yang ditugaskan kemudiannya;
  - iv. Walaupun *off-duty* tetapi berlaku kejadian jenayah di hadapan anggota dan mendapat kecederaan semasa bertindak membanteras penjenayah;
  - v. Tercedera atau meninggal dunia semasa menjalani latihan fizikal yang berisiko tinggi.
  - vi. Berkhidmat di luar negara di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan sepenuh masa menghadapi situasi yang berisiko:
    - a. Perbuatan subversif
    - b. Ancaman dari luar
    - c. Mengawal ketenteraman awam
    - d. Menegakkan undang-undang
    - e. Membanteras penjenayah
  - vii. Semasa menjalankan tugas dalam keadaan yang berikut:
    - a. Menjalankan latihan dalam Rekrut Pegawai Kadet dan semasa ujian
    - b. Bencana alam
    - c. Darurat
    - d. Perbuatan subversif
    - e. Ancaman dari luar
    - f. Mengawal ketenteraman awam
    - g. Menegakkan undang-undang
    - h. Membanteras penjenayah

3. Manakala tafsiran **Tugas Biasa** adalah seperti berikut dan **TIDAK LAYAK** mendapat bantuan TAPPN:
  - i. Bertugas di pejabat atau pejabat pertanyaan dan telah meninggal dunia akibat sakit jantung atau sakit biasa;
  - ii. Kemalangan jalan raya semasa ke pejabat untuk bertugas atau semasa balik daripada pejabat selepas bertugas atau pun semasa rehat;
  - iii. Semua tugas rutin di pasukan/ pangkalan
  - iv. Menjalani latihan kursus dan semua jenis sukan; dan
  - v. Menghantar dan mengambil barang dari unit ke pasukan.
  
4. Lembaga Pengurusan TAPPN pada 13 Oktober 1998 telah bersetuju bahawa mana-mana kes yang tidak menepati garis panduan TAPPN hendaklah ditolak. Sekiranya terdapat keraguan terhadap kes yang berlaku, ianya perlu diangkat kepada Lembaga Pengurusan TAPPN untuk diputuskan.
  
5. Semua permohonan hendaklah disertakan butir terperinci iaitu butiran diri pemohon, lokasi kejadian, sebab kemalangan/kematian, kronologi kejadian dan dokumen-dokumen yang menyokong permohonan tersebut.

**PANDUAN PENGISIAN  
BORANG PERMOHONAN BANTUAN  
TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA**

**Pendahuluan**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja TAPPN Bilangan 1/2016 telah bersetuju untuk menggunakan borang Permohonan Bantuan TAPPN yang baru.
2. Tujuan borang baru ini diperkenalkan adalah untuk:
  - a) Memudahkan permohonan bantuan TAPPN dibuat.
  - b) Menyeragamkan borang permohonan di antara agensi benefisiari.
  - c) Selaras dengan keputusan Lembaga Pengurus TAPPN untuk meminda beberapa perkara berkaitan bantuan TAPPN.
3. Borang baru yang akan digunakan ini akan mengambil kira perkara-perkara berikut:
  - a) Meringkaskan borang permohonan bantuan TAPPN
  - b) Menambahbaik ruangan Laporan Pegawai Perubatan dengan meletakkan ruangan kategori kecederaan

**Pengisian Maklumat Peribadi**

Maklumat peribadi pegawai / anggota untuk tujuan pengenalpastian dan maklumat perhubungan untuk dihubungi sekiranya ada keperluan.

**Pengisian Maklumat Waris**

Maklumat waris terdekat yang boleh dihubungi sekiranya pegawai / anggota yang berkenaan tidak dapat dihubungi. Bagi kes kematian pula, maklumat waris merupakan keperluan utama.

**Maklumat Kejadian**

Cerita ringkas bagaimana kemalangan tersebut berlaku bagi tujuan penilaian sama ada kemalangan tersebut berlaku semasa pegawai / anggota melaksanakan tugas aktif atau tugas biasa.

**Laporan Pegawai Perubatan**

- a) Pegawai perubatan diminta untuk menyatakan jenis kecederaan yang dialami oleh pegawai.
- b) Pegawai Perubatan dikehendaki untuk menandakan kategori kecederaan bagi membolehkan sekretariat mengenalpasti jumlah bantuan yang layak diberikan kepada pegawai.

**Ulasan Ketua Formasi/ Pasukan/ Negeri**

Ketua pasukan (*immediate boss*) perlu memberi ulasan dan pengesahan bahawa laporan yang dibuat ini adalah benar.

**Ulasan Dan Sokongan Ketua Jabatan**

Pengarah Bahagian Kebajikan perlu memberi ulasan dan pengesahan bahawa laporan yang dibuat ini adalah benar.

**Tindakan Selanjutnya**

- a) Borang yang lengkap akan dikemukakan kepada Sekretariat TAPPN di Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri oleh Bahagian Kebajikan pasukan
- b) Urusetia akan mengangkat borang permohonan untuk perakuan dan kelulusan Menteri yang diberi kuasa melulus.
- c) Permohonan yang telah diluluskan oleh Menteri akan dimajukan kepada Amanah Raya Berhad untuk tindakan mengeluarkan cek dan diserahkan kepada pegawai.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN UNTUK PROSES PERMOHONAN  
TABUNG AMANAH PERWIRA DAN PERTAHANAN NEGARA**

1	Borang Permohonan TAPPN	
2	Laporan Perubatan	
3	Salinan Kad Pengenalan	
4	Salinan Kad Pengenalan Waris (kes kematian sahaja)	
5	Salinan Laporan Polis (jika berkaitan)	
6	Salinan Sijil Meninggal Dunia (kes kematian sahaja)	
7	Gambar Kecederaan	
8	Surat Arahan Atau Jadual Bertugas	